Hadir sama dalam program ini, Pegawai Kewangan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji A. Rahim bin Hj Nin, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Yang Berhormat Tuan Haji Hasan Karim, Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani, Ahli-Ahli Majlis MPPG, serta muslimin dan muslimat.



## • Lawatan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)

8 Januari 2020@ Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)





Seramai 35 orang delegasi daripada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) yang di ketuai oleh Puan Nurul Adawaty binti Haji Ismail, Pengarah Perancang Bandar MPAG telah mengunjungi MPPG bagi melihat serta berkongsi pengalaman dalam kemenangan 'Anugerah MIP *My Place*' (Taman Bandar) yang diterima oleh MPPG.





## • *Walkabout* Bersama Yang Dipertua Di Zon Tanjung Puteri

12 Januari 2020 @ Zon Tanjung Puteri

Program ini dimulakan dengan taklimat perkongsian isu yang dibangkitkan oleh penduduk. Ianya diteruskan lagi dengan lawatan ke kawasan tapak. Antara lokasi yang di lawati adalah Pantai Kg. Pasir Putih, Apartment Tanjung Puteri, gelanggang futsal & taman permainan dan kawasan lapang.













## • Kejohanan Liga Yang Dipertua MPPG Edisi 2019

15 Januari 2020 @ Padang Majlis Perbandaran Pasir Gudang

Perlawanan ini merupakan perlawanan akhir bagi Kejohanan Liga Perdana Pasir Gudang Piala Yang Dipertua bagi musim 2019. Sebanyak 32 buah pasukan telah menyertai kejohanan bagi musim kali ini. Perlawanan ini melibatkan pasukan Kangkar Pulai FC menentang pasukan Iskandar FC.

Bagi edisi kali ini, Pasukan Iskandar FC telah menjuarai kejohanan ini dengan mengalahkan Pasukan Kangkar Pulai FC dengan jaringan gol 2-0, manakala tempat ketiga dimenangi bersama oleh MPPG SC dan JM FC. Tahniah diucapkan kepada semua pasukan yang berjaya.







## • *Walkabout* YDP Di Zon Pasir Putih Dan Zon Kota Masai 1

20 Januari 2020 @ Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang




Walkabout YDP MPPG diadakan bagi mengenal pasti dan seterusnya menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh penduduk di zon terbabit. Program dimulakan dengan perasmian Pusat Tuisyen Pasir Gudang Taman Pasir Putih oleh YDP MPPG.

Seterusnya program diteruskan dengan lawatan ke lokasi aduan penduduk disekitar Zon Pasir Putih dan seterusnya ke Zon Kota Masai 1.





## • Majis Amanat Yang Dipertua Tahun 2020

22 Januari 2020 @ Majlis Perbandaran Pasir Gudang



Majlis Amanat Yang Dipertua diadakan pada setiap awal tahun. Ianya dihadiri oleh semua warga kerja bagi mendengar amanat yang disampaikan oleh Yang Dipertua MPPG. Beliau menzahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada warga MPPG atas pencapaian yang cemerlang sepanjang 2019. Beliau juga turut mengingatkan warga kerja mengenai cabaran yang bakal dihadapi pada tahun 2020 serta menggesa agar warga kerja sentiasa menjaga etika dan disiplin dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.





## • Majlis Anugerah Kecemerlangan UTC Pasir Gudang 2018-2019

28 Januari 2020 @ Paduka Event Hall, Eco Tropics

Majlis Anugerah Kecemerlangan UTC Pasir Gudang 2018 – 2019 telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Tuan Abu Bakar bin Haji Jambol, Ketua Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi, Kementerian Kewangan Malaysia, selaku wakil rasmi kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kewangan Malaysia. Turut hadir sama dalam majlis ini, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Tuan Haji Zainor Bin Adani, Ketua Pengarah Negeri setiap agensi di UTC Pasir Gudang, Ahli-Ahli Majlis MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap Setiausaha MPPG, Ketua-Ketua Jabatan serta anggota warga kerja jabatan dan agensi di bawah pengurusan UTC Pasir Gudang.

Tujuan program ini adalah untuk memberi penghargaan kepada agensi-agensi yang telah memberikan sumbangan secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang penubuhan UTC Pasir Gudang.






# Februari










## • Karnival Riuh Anti Dadah Peringkat Negeri Johor 2020

2 hingga 9 Februari 2020 @ Dataran Al-Hamra MPPG, Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang

Program anjuran Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dan Aspirasi KARISMA Malaysia yang membawa slogan "Bersama Kita Memerangi Penyalahgunaan Dadah" ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Omar Osman, Naib Presiden PEMADAM Kebangsaan Malaysia. Hadir sama dalam majlis perasmian ialah Tuan Haji Abdul Rahman bin Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Haji Zainor Bin Adani, Yang Dipertua MPPG, Ahli Majlis MPPG serta Ikon Aspirasi Johor Perangi Dadah, Ronie Husin.

Antara objektif utama karnival ini adalah untuk memberi kesedaran mengenai kesan penyalahgunaan dadah, memberi aspirasi kepada belia Johor dan memberi galakkan kepada golongan ini dalam menceburi bidang perniagaan dan usahawan.

## • Lawatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

26 Februari 2020 @ Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)

MPPG menerima lawatan daripada Unit Muzium Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ke Muzium Pasir Gudang. Delegasi diketuai oleh Puan Ainul Farhiah binti Abdul Wahab, Penolong Pengarah Kanan 1 Bahagian Sumber Ilmu, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MBPJ.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah sesi perkongsian dan bertukar-tukar pandangan bagi pelaksanaan program atau pertandingan di peringkat antarabangsa. Delegasi MBPJ juga dibawa melawat Perpustakaan Awam Pasir Gudang dan Santuari Sarang buaya.






# Mac

## • Perhimpunan Pagi

3 Mac 2020 @ Dataran Al-Hamra, Menara Aqabah

Program bulanan ini bertujuan berkongsi maklumat dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MPPG dan menjadi platform kepada pihak pengurusan dalam memberi teguran dan nasihat kepada semua warga kerja atas tanggungjawab menjalankan tugas sebagai seorang penjawat awam. Program diakhiri dengan aktiviti senamrobik.









## • Kursus Pengurusan Jenazah Perdana (WANITA) 2020

8 Mac 2020 @ Balai Islam, Masjid Al-Munawarah

Majlis Perbandaran Pasir Gudang melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat julung kali menganjurkan Kursus Pengendalian Jenazah Wanita. Objektif program ini adalah untuk menyediakan barisan pelapis pengurusan jenazah di setiap masjid dan surau serta mewujudkan satu pasukan bersepadu pengurusan jenazah di Pasir Gudang bagi melahirkan sekurang-kurangnya seorang bagi setiap keluarga yang boleh mengendalikan jenazah. Ucapan aluan dan perasmian telah disampaikan oleh Puan Hajah Rahamah binti Mahmood wakil rasmi Yang Dipertua MPPG. Kursus ini dikendalikan oleh fasilitator jemputan dari Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru iaitu Puan Hasnah binti Jaffar.
















## • Taklimat Wabak Novel Coronavirus (2019-NcOV)

16 Mac 2020 @ Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)

Berikutan penularan pendamik yang melanda, Majlis Perbandaran Pasir Gudang mengambil inisiatif mengadakan satu taklimat mengenai wabak *Novel Coronavirus* kepada semua warga kerja.

Objektif taklimat ialah bagi menyampaikan maklumat tentang bahaya jangkitan virus ini serta cara kaedah pencegahan supaya ianya tidak merebak khususnya dikalangan warga kerja. Taklimat disampaikan oleh Dr. Nur Sujaidah binti Hanafi, Pegawai Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

## • Lawatan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Dari Institut Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Selatan (IKWAS)

17 Mac 2020 @ Majlis Perbandaran Pasir Gudang

Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah menerima lawatan EKSA dari INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS). Seramai 5 warga kerja IKWAS menyertai sesi lawatan ini yang diketuai oleh Puan Jamilah binti Tamat, Penyelaras EKSA, Institut Awam Negara Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) Delegasi telah diberi taklimat mengenai program EKSA di MPPG bermula dari awal sehinggalah berjaya memperoleh sijil pengiktirafan EKSA dari Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).









## • Gerakan Prihatin COVID-19 Yayasan Pasir Gudang

29 Mac 2020 hingga 22 April 2020
@ 24 Zon Pentadbiran MPPG

Yayasan Pasir Gudang mengadakan program Gerakan Prihatin COVID-19 Yayasan Pasir Gudang sepanjang bulan Mac dan April. Ianya bertujuan membantu meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan dan keluarga terjejas akibat Pandemik COVID-19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bantuan disalurkan kepada 24 Zon dibawah pentadbiran MPPG dan ditaja sepenuhnya oleh YPG.









## • Laporan Disinfeksi Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Di Pasir Gudang

Sepanjang Bulan Mac @ Kawasan Pentadbiran MPPG

Majlis Perbandaran Pasir Gudang dibawah Jabatan Kesihatan Awam telah mengadakan Program Disinfeksi atau Sanitasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac yang lalu. Kawasan-kawasan yang diberi keutamaan kawasan yang melibatkan penggunaan kerap oleh orang awam. Antaranya pasar awam, masjid, surau, stesen bas, laluan pejalan kaki, tandas awam, semai niaga dan perpustakaan awam.

# Mei

## • Sumbangan Perayaan Dan COVID

10 hingga 21 Mei 2020 @ *Southern Power Generation* Sdn Bhd, *Johor Port* Sdn Bhd dan Yayasan Sultan Ibrahim Johor

Yayasan Pasir Gudang (YPG) dengan kerjasama Yayasan Mykasih (*Dialog Group*) dan Pejabat Daerah Johor Bahru telah memberikan sumbangan sempena sambutan perayaan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan di sekitar Pasir Gudang. Setiap penerima menerima sumbangan barangan keperluan asas.








***18 Mei 2020 @ Southern Power Generation Sdn Bhd***





*18 dan 19 Mei 2020 Sumbangan Perayaan Aidilftri dan COVID-19*





*20 dan 21 Mei 2020 Sumbangan Kurniaan DYMM Tuanku Sultan Johor*













## Jun

### • Penyerahan Projek Perintis Laluan Basikal Iskandar Malaysia Di Majlis Perbandaran Pasir Gudang

3 Jun 2020 @ Aras 19 Menara Aqabah

Majlis Penyerahan Projek Perintis Laluan Basikal Iskandar Malaysia di MPPG disempurnakan oleh Mr Boyd Dion Ysius Joeman, *Lead Resilient Environment* IRDA kepada Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap, Setiausaha MPPG. Projek ini dilaksanakan oleh *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) yang bernilai RM1 juta bagi laluan berbasikal sepanjang satu kilometer sekitar Jalan Masjid dan Jalan Stadium.










### • Lawatan Yang Berhormat Tuan Haji Ayob Bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor

23 Jun 2020 @ Dewan Mesyuarat Aras 20 Menara Aqabah







Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah menerima lawatan kerja dari Yang Berhormat Tuan Haji Ayob bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Yang Berhormat telah diberi penerangan mengenai latar belakang MPPG, serta dasar pembangunan dan dasar belanjawan serta cadangan belanjawan yang dibentangkan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Haji Zainor bin Adani. Majlis berakhir dengan sesi bergambar bersama.





## • Anugerah Zon Teraktif JKPZ 2019

30 Jun 2020 @ Dewan Mesyuarat Aras 20 Menara Aqabah

Anugerah Zon Teraktif adalah pertandingan yang dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan komuniti paling aktif mempelbagaikan program kemasyarakatan sepanjang tahun. Anugerah ini dianjurkan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat yang melibatkan 24 buah zon di dalam kawasan pentadbiran MPPG. Kriteria pemenang adalah dipilih berdasarkan Pengurusan Mesyuarat JKPZ, Pengurusan Kewangan, Program Kebersihan, Kesihatan, Kitar Semula, Pembangunan Sosial, Keselamatan, Ekonomi, Landskap, Pembelajaran Berterusan dan Perlaksanaan Tanggungjawab Penduduk. Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Tuan Haji Zainor Bin Adani, Tuan Yang Dipertua MPPG. Pemenang tempat pertama Anugerah Zon Teraktif adalah Zon Cahaya Masai. Manakala tempat kedua dan ketiga adalah Zon Kota Masai 3 dan Zon Nusa Damai.





# Julai

## • Lawatan Kerja Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha (DASAR) Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

6 Julai 2020 @ Dewan Cempaka Menara Aqabah





MPPG menerima lawatan kerja dari Yang Berhormat Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat hadir bagi mengadakan lawatan ke beberapa lokasi tapak projek di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) KPKT yang bermula pada awal tahun 2020 dan telah siap sepenuhnya.

Antaranya ialah Gelanggang Futsal Taman Mawar, Pondok Bas Jalan Persiaran Dahlia 2, Gelanggang Futsal Jalan Sekuntum dan Rumah Pangsa Taman Flora Height. Hadir sama dalam sesi lawatan ini, En. Hisham Azlin bin Zainun, Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Pembangunan, KPKT, Puan Samilah Binti Mahsuri, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap, Setiausaha MPPG serta En Abdul Majid bin Sapihe, Ketua Jabatan Bangunan MPPG.

# Ogos

## • Pertandingan Keceriaan Bangunan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2020

16 Ogos hingga 31 Ogos 2020 @ Sekitar Pasir Gudang





Sebanyak tiga kategori telah dipertandingkan iaitu kategori individu, kategori agensi swasta/kerajaan/ rumah pangsa serta kategori sekolah/IPT/Balai Komuniti. Objektif program ialah menyemarakkan semangat *patriotisme*, mengukuhkan semangat perpaduan serta memupuk semangat kemerdekaan dan cintakan negara di kalangan masyarakat Pasir Gudang melalui idea yang kreatif dan berinovasi.

## • Majlis Pelancaran Kempen Johor Perangi Denggi

23 Ogos 2020 @ Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang

Majlis dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Ir. Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor. Pelancaran Kempen Johor Perangi Denggi ini dilihat sebagai satu komitmen dari Kerajaan Negeri Johor bersama Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengurangkan kadar kes denggi di negeri Johor. Kempen ini turut mengambil pendekatan advokasi dan mobilisasi sosial melalui pemerkasaan komuniti (*Community Engagement*) di mana ia digerakkan melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah dengan Pegawai Daerah sebagai penggerak utama.












## • Program *Townhall* Mesra Industri MPPG 2020

27 Ogos 2020 @ Amansari Residence Resort

Program dirasmikan oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Zainor bin Adani. Hadir sama dalam program ini ialah Encik Mohd Rahim bin Amertemin, WHIP Parti Ahli Majlis MPPG, barisan Ahli Majlis, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap, Setiausaha MPPG serta Ketua-ketua Jabatan Bahagian dan Unit MPPG.

Antara objektif *Townhall* Mesra Industri MPPG diadakan adalah sebagai satu *platform* berkongsi maklumat serta berkolaborasi pandangan dalam pelbagai aspek dan bidang yang berlaku di Pasir Gudang, khusus dalam bidang industri, kesihatan, keselamatan dan persekitaran alam sekitar bersama pihak industri dalam kawasan pentadbiran Pasir Gudang.

## • Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang

30 Ogos 2020 @ Dewan Cempaka Menara Aqabah

Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani oleh Tuan Haji Zainor Bin Adani Yang Dipertua MPPG dan Professor Dr. Haji Ismail bin Ahmad, Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor. MoU ini akan memberi tumpuan terhadap aspek-aspek pembangunan professional, akademik dan projek-projek bersifat keusahawanan dan kelestarian alam sekitar. Selain itu, MoU ini menumpukan usaha mewujudkan persefahaman hubungan khidmat komuniti, menyediakan ruang kursus dan latihan yang relevan kepada penuntut, di samping peluang tajaan untuk melanjutkan pelajaran bagi warga MPPG di UiTM dan kerjasama dalam bidang berpotensi yang dipersetujui dari semasa ke semasa.











## • Majlis Jasamu Di Kenang Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pasir Gudang

31 Ogos 2020 @ Tanjung Puteri Golf Resort, Pasir Gudang

Majlis ini telah diadakan bagi menghargai sumbangan dan jasa, Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang telah berkhidmat bagi tempoh 2018 hingga 2020. Seramai 16 orang Ahli Majlis MPPG telah diraikan dalam majlis ini.

Yang Dipertua, Tuan Haji Zainor bin Adani menyampaikan ucapan dan cenderahati penghargaan kepada barisan Ahli Majlis sesi 2018 hingga 2020 yang begitu komitmen dalam menjalankan tugas di zon masing-masing.



# September

## • Lawatan Johor Land Ke MPPG

13 September 2020 @ Dewan Cempaka Aras 20 Menara Aqabah

Lawatan ini dijalankan bertujuan untuk berkongsi maklumat dan memberi pendedahan kepada delegasi dari Johor Land Berhad mengenai proses pengurusan sisa makanan yang di kawal selia oleh Jabatan Kesihatan Awam MPPG. Selepas mendengar taklimat, delegasi telah dibawa melawat ke kawasan mesin pemprosesan sisa makanan yang terletak di Aras 3, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.







## • Bengkel Pelan Strategik MPPG 2021-2025 Sesi 2

20 September hingga 23 September 2020
@ Pelangi Beach Resort And SPA, Langkawi




Seramai 52 orang peserta terdiri daripada pihak Pengurusan Atasan MPPG, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai telah terbabit untuk menjayakan bengkel ini. Bengkel Pelan Strategik kali ini dibimbing oleh Tuan Alwan bin Wagiman dari *Human Performance Improvement Consultant* yang beroperasi di Rawang Selangor.








## • Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSK) MPPG

29 September 2020 @ Dewan Serbaguna Taman Mawar




Mesyuarat Agung KSK MPPG Kali ke-28 Sesi 2020/2021 telah diadakan di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang bagi membentangkan laporan aktiviti kelab sepanjang tahun 2019. Setiausaha MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap, selaku Pengerusi KSK MPPG telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Mesyuarat dimulakan dengan sesi pembentangan oleh setiap pengerusi biro. Laporan kewangan tahunan kelab juga telah dibentangkan oleh akauntan KSK MPPG, En. Abdul Halim bin Nasruddin.





## Oktober



### • Majlis Taklimat Kerja-Kerja Penyediaan Senarai Nilaian Bagi Kawasan Kampung Dalam Kawasan Pentadbiran MPPG

11 Oktober 2020 @ Dewan Cempaka Menara Aqabah

Taklimat telah disampaikan kepada Penghulu, Ketua Kampung dan Wakil Penduduk berkaitan kerja-kerja penyediaan senarai nilaian baru bagi kawasan-kawasan kampung di bawah pentadbiran MPPG iaitu sebanyak 4,905 pegangan.

Antara kepentingan penilaian semula adalah bagi mengemas kini maklumat pegangan. Maklumat pegangan dapat di kemas kini dari segi pemilikan mahupun perihal pegangan. Pemilik pegangan yang terkini, nombor lot, nombor hak milik, kegunaan tanah dan lain-lain dapat di kenal pasti dan di kemas kini melalui proses carian hak milik atau borang penyata pemilik yang di perolehi daripada pemilik pegangan. Selain itu, penilaian ini amat penting bagi memberi gambaran nilaian pasaran hartanah.





### • Taklimat Kepada Majlis Perbandaran Kluang Berkenaan Tuntutan Tunggakan Cukai Harta

15 Oktober 2020 @ Bilik Mesyuarat UTC Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

Seramai tujuh orang delegasi yang diwakili oleh Cik Ayu Amera, Pegawai Undang-Undang Majlis Perbandaran Kluang telah hadir dalam sesi lawatan ke Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Tujuan lawatan adalah bagi mendapatkan info dan maklumat berkaitan tuntutan tunggakan cukai harta dan proses kerja MPPG dalam menguruskan tuntutan tunggakan cukai harta taksiran yang efektif.

Taklimat disampaikan oleh Encik Nurazam bin Razali, Ketua Unit Undang-Undang MPPG. Turut hadir dalam sesi taklimat ini ialah wakil dari Jabatan Kewangan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Jabatan Penguatkuasaan.



## • Program Laman Hijau Siri 2

19 Oktober 2020 @ Tapak Semaian MPPG

Program ini telah dijalankan bermula Julai 2020 hingga Oktober 2020. Bagi siri 2, anggota pekerja berjaya menambah baik kaedah penanaman sayur-sayuran. Pada 19 Oktober 2020 sesi menuai bagi siri 2 dirasmikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani bersama 9 buah kumpulan yang mewakili 9 Jabatan yang terlibat dalam program Laman Hijau MPPG.











## • Pelantikan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pasir Gudang

21 Oktober 2020 @ Dewan Cempaka Menara Aqabah

Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah menerima lapan orang Ahli Majlis, bagi sesi 2, 2020. Majlis Angkat Sumpah diadakan di Dewan Cempaka Aras 20, Menara Aqabah.

Ahli-Ahli Majlis telah menerima watikah pelantikan yang disampaikan oleh Yang Dipertua. Seterusnya Ahli Majlis melafazkan bacaan ikrar sumpah dan menandatangani Perakuan Menerima Jawatan dan Akuan Sumpah.







## • Pertandingan *Mobile Legends Bang Bang Online Tournament* 2020

23 Oktober dan 24 Oktober 2020 @ Atas Talian

Unit Sukan Jabatan Pembangunan Masyarakat MPPG menganjurkan sukan elektronik *(E-Sports)* iaitu Pertandingan *Mobile Legends Bang Bang Online Tournament*. Pertandingan ini diuruskan sepenuhnya oleh *ESG Event & E. Games Sport Management & Consultancy*.

Antara objektif penganjurannya, mewujudkan platform kepada peminat-peminat sukan elektronik untuk menguji kemampuan dan mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan dalam sukan elektronik di persada negara.






## • *PUBG Mobile Online Tournament* 2020

26 Oktober hingga 31 Oktober 2020 @ Atas Talian







MPPG di bawah Unit Sukan Jabatan Pembangunan Masyarakat buat pertama kalinya menganjurkan sukan elektronik *(E-Sports), PUBG Mobile Online Tournament*. Pertandingan ini telah diuruskan sepenuhnya oleh *ESG Event & E. Games Sport Management & Consultancy.*

Sebanyak 72 pasukan telah bertanding. Pertandingan ini dianjurkan secara atas talian dimana setiap ahli pasukan bermain di kediaman atau dimana-mana sahaja yang dirasakan sesuai untuk bermain. Setiap pemain perlu mempunyai capaian internet sendiri bagi membolehkan mereka bermain secara atas talian.

Antara objektif sukan ini di anjurkan ialah bagi mewujudkan platform kepada peminat sukan elektronik untuk menguji kemampuan, mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan dalam sukan elektronik di persada negara dan mengisi masa lapang warga Pasir Gudang dan sekitarnya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

## November

### • Kursus Orientasi Kepada Pekerja Baharu Siri 1 2020 MPPG

4 November dan 5 November 2020 @ Tanjung Puteri Golf Resort

Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah mengadakan Kursus Orientasi kepada warga kerja baharu Siri 1, 2020. Program ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja baharu yang dilantik.

Sebanyak enam slot taklimat telah disampaikan sepanjang dua hari kursus iaitu Taklimat *Ice Breaking*, Kenali Budaya Kerja Organisasi dan Panduan Pengurusan Pejabat, Penjawat Awam dan Bimbingan Kaunseling, Dasar dan Peratusan Kewangan, Elaun serta kemudahan di MPPG dan Keutamaan Syariat Dalam Kerjaya Maslahat Dunia Akhirat. Ikrar penjawat awam juga turut dilafazkan oleh kesemua warga kerja baharu yang dilantik sambil disaksikan oleh Yang Dipertua MPPG, Setiausaha MPPG serta Ketua-Ketua Jabatan.









### • Gotong Royong Perdana EKSA Siri 1 2020

8 November 2020 @ Majlis Perbandaran Pasir Gudang

Program Gotong-Royong Perdana EKSA Siri 1 2020. Program ini dianjurkan bagi persiapan menghadapi audit EKSA dan memperbaharui sijil EKSA MPPG yang telah tamat pada Mei 2020.

Program ini melibatkan 24 buah zon di bawah pentadbiran MPPG dimana lokasinya di dalam bangunan Menara Aqabah dan bangunan luar milik MPPG seperti Perpustakaan Awam, Stadium Perbandaran Pasir Gudang, Stadium Bola Sepak, dewan-dewan milik MPPG, Muzium Layang-Layang serta bangunan-bangunan lain. Selain membersihkan kawasan pejabat dan ruang kerja, aktiviti lain turut diadakan seperti mengecat dan menceriakan ruang pejabat, program jualan kitar semula, serta aktiviti mengemas stor perkakasan zon yang terlibat. Gotong-royong tamat pada jam 5.00 petang.

## • Pertandingan Tilawah Al-Quran

15 November 2020 @ Atas Talian







Pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah berlangsung secara atas talian *(online)*. Program ini diadili dengan oleh 3 orang pengadil luar yang berpengalaman. Pertandingan bermula sekitar jam 2.30 petang. Seramai 10 orang yang terpilih ke peringkat akhir iaitu 5 orang peserta lelaki dan 5 orang peserta wanita.

Program ini merupakan satu inisiatif MPPG dalam memakmurkan sambutan Maulidur Rasul 1442H. Program yang julungkalinya diadakan bagi meraikan Hari Kelahiran Nabi Muhammad SAW oleh pihak MPPG. Antara objektif penganjurannya ialah meningkatkan pemahaman dalam pembacaan al-Quran, memupuk sikap cinta dan membaca al-Quran serta menjadikan al-Quran sebagai panduan dan sunnah sejajar dengan amalan kehidupan Nabi Muhammad SAW.





## • Majlis Penyerahan Watikah Pengisytiharan MBPG

22 November 2020 @ Kota Iskandar, Iskandar Puteri Johor




Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah mendapat pengisytiharan penaiktarafan kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Watikah pengisytiharan telah disampaikan oleh Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Ir. Haji Hasni bin Mohammad kepada Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berbahagia Tuan Asman Shah bin Abdul Rahman. Turut hadir dalam majlis ini, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Azmi bin Rohani dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, Tuan Haji Zainor bin Adani, Yang Dipertua MPPG serta Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian dan Unit.

## • Amanat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang

23 November 2020 @ Dewan Al-Hamra Aras 3 Menara Aqabah

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menerima Datuk Bandar pertama yang dilantik pada 22 November 2020. Yang Berbahagia Tuan Asman Shah bin Abd Rahman telah menyampaikan amanat beliau yang pertama sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang sebaik sahaja menyandang jawatan tersebut. Datuk Bandar Pasir Gudang buat kali pertama telah memberi ucapan kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan/ Bahagian/Unit serta warga kerja MBPG.




Antara intipati ucapan beliau ialah memberi penekanan kepada Pasir Gudang sebagai Bandaraya Perindustrian dan Pelabuhan. Perkembangan revolusi perindustrian haruslah seiring dengan perkembangan teknologi dan pembangunan ekonomi. Selain itu, beliau juga turut mengingatkan peranan dan tanggungjawab warga kerja dalam menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.



Datuk Bandar turut berpesan tiga cabaran besar utama pada masa kini ialah kesihatan, ekonomi dan politik, lebih-lebih lagi apabila dunia masih lagi bergelut dengan penularan pendemik COVID-19 yang masih belum masih belum tamat.

## • Majlis Penyerahan Tugas Mantan Yang Dipertua Kepada Datuk Bandar MBPG

30 November 2020 @ Dewan Cempaka Aras 20 Menara Aqabah



November 2020 mencatat sejarah di Pasir Gudang apabila Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah dinaik taraf menjadi Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Majlis penyerahan nota serahan tugas Yang Dipertua Tuan Haji Zainor bin Adani kepada Datuk Bandar Pasir Gudang telah diadakan pada 30 November 2020 bertempat di Aras 20, Menara Aqabah. Kedua-dua turut menandatangani nota serahan tugas. Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani turut merakamkan waktu bertugas sebagai Yang Dipertua yang terakhir di MPPG sambil disaksikan oleh Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian dan Unit.

# Disember

## • Kunjungan Hormat Dan Pantau Tegur Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS)

2 Disember 2020 @ Bilik Mawar Aras 20 Menara Aqabah

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menerima kunjungan hormat dari Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan yang di ketuai oleh Puan Norhafizah binti Mohamed Husin, Pengarah DBPWS. Tujuan kunjungan ini adalah bagi mengenal pasti dan memantau penggunaan bahasa yang betul dalam menyediakan papan tanda premis, *bunting*, iklan dan sebagainya.

Antara tempat yang dilawati oleh delegasi ialah premis sekitar Taman Bukit Dahlia, Premis di Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dan Taman Bandar Bukit Layang-Layang.







## • Majlis Pelancaran Gerobok Prihatin Dan Qaseh Ummi Pasir Gudang

4 Disember 2020 @ Dewan Taman Air Biru, Pasir Gudang






Majlis Pelancaran Gerobok Prihatin dan Qaseh Ummi telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Hadir sama dalam majlis ini, Tuan Haji Baharuddin bin Mohamed Taib, Ketua WHIP Ahli Majlis MBPG, Ahli-Ahli Majlis MBPG serta Ketua-ketua Jabatan/Unit dan Bahagian.

Program Gerobok Prihatin ini merupakan satu bentuk bantuan kepada golongan sasar yang disalurkan melalui 24 buah zon dibawah pentadbiran MPPG. Antara objektif program ini dianjurkan adalah bagi membantu golongan yang benar-benar memerlukan menerima bantuan yang sewajarnya, menyelaraskan pemberian bantuan dan mendekati masyarakat melalui Ahli Majlis yang menjadi penghubung mengenai dasar-dasar kerajaan dengan orang awam.





## • Program Kepok Rezeki

9 Disember 2020 @ Dewan *Banquet* Aras 20 Menara Aqabah







Program Kepok Rezeki merupakan program anjuran PUSPANITA Cawangan Negeri Johor dengan kerjasama PUSPANITA Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berbahagia Tuan Asman Shah bin Abd Rahman. Hadir sama dalam majlis ini, Datin Dr. Hajah Noor Azizah binti Abdul Latif, Pengerusi PUSPANITA negeri Johor, Puan Halimah binti Mohamed Rasip, Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Pasir Gudang serta ahli-ahli PUSPANITA MBPG.

Program ini bertujuan memberi sumbangan berbentuk barangan keperluan asas dapur dan makanan kering kepada 138 buah keluarga di Pasir Gudang. Bantuan yang diberikan serba sedikit mampu menolong mereka yang memerlukan bantuan ketika dilanda musibah atau bencana.

## • Kunjungan Hormat Pengarah SPRM Negeri Johor Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Johor "PBT Perangi Pemberi Rasuah"

9 Disember 2020 @ Dewan Cempaka Aras 20 Menara Aqabah





Majlis Bandaraya Pasir Gudang begitu berbesar hati kerana menerima kunjungan hormat dari Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Johor, Yang Berbahagia Dato' Haji Azmi bin Haji Alias. Kunjungan yang diadakan adalah bersempena dengan sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Johor. Hadir sama dalam kunjungan hormat ini ialah Encik Mohd Ezzuddin Bin Sanusi, Ketua Unit Audit Dalaman, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Encik Rosdi bin Amir, Pengerusi Yayasan Anti Rasuah Malaysia Negeri Johor serta Tuan Haji Hakim bin Abd. Manap, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Dalam majlis yang sama juga, Datuk Bandar Pasir Gudang turut menandatangani ikrar janji warga PBT Perangi Pemberi Rasuah. Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah dipilih sebagai tuan rumah Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Tahun 2020.

## • Bengkel Semakan Dokumentasi ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti

14 Disember 2020 @ Bilik Latihan MBPG

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berbahagia Tuan Asman Shah bin Abd Rahman. Bengkel ini diadakan bagi mempersiapkan MBPG dalam menghadapi audit persijilan semula ISO 9001:2015 yang dijadualkan pada awal tahun 2021.

Seramai 20 orang peserta yang terdiri dari semua wakil jabatan/bahagian dan unit telah menghadiri bengkel tersebut. Taklimat program telah disampaikan oleh Puan Fauzan binti Mat Ishah, perunding dari *Management System Standards Section Sirim STS* Sdn. Bhd.



















## • Kursus Etiket Dan Protokol Anggota MBPG

30 Disember 2020 @ Tanjung Puteri Golf Resort

Unit Latihan MBPG dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Johor telah menganjurkan Kursus Etiket dan Protokol. Kursus ini dihadiri oleh seramai 30 orang peserta dan dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Tuan Asman Shah bin Abd. Rahman. Hadir sama dalam majlis ini, Puan Halimah binti Mohamed Rasip, Pengerusi Puspanita Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Tuan Haji Adnan bin Abd Gahni, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG serta pegawai-pegawai MBPG.

Taklimat telah disampaikan oleh wakil dari Jabatan Diraja Negeri Johor, Encik Rohaizat bin Sumain dan Encik Mohd Fairus bin Aziz. Antara pengisian kursus ini ialah memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta mengenai kepentingan etiket dan protokol di dalam mengendalikan sesuatu majlis, menggarap kemahiran dan pengetahuan asas, memberikan pengalaman serta memberi keyakinan kepada para peserta untuk berhadapan dengan sesuatu majlis.

MBPG

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بندراي ڤاسير ݢودڠ

# 07

# PERANCANGAN MBPG BAGI TAHUN 2021



GEMILANG | LESTARI | SEJAHTERA

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بندراي ڤاسير ݢودڠ



## PERANCANGAN
# MBPG BAGI TAHUN 2021




## PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2021 – 2025

Pelan strategik MBPG bagi tempoh 2021-2025 dalam proses peringkat akhir disediakan bagi merelisasikan visi menjadikan "Pasir Gudang Bandaraya Sejahtera Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025".

Bagi perancangan 2021-2025, enam teras telah dipilih selaras dengan visi MBPG dalam menjadikan Pasir Gudang sebagai sebuah Bandaraya Industri dan Pelabuhan menjelang 2025.

| | |
|---|---|
| Teras 1 | • Tadbir Urus Berintegriti Dan Kepakaran Yang Tinggi |
| Teras 2 | • Teknologi Pintar Dan Sistem Terkini. |
| Teras 3 | • Pengurusan Alam Sekitar, Kesihatan Persekitaran Dan Pembangunan Yang Mampan |
| Teras 4 | • Kecekapan Kewangan Dan Perbendaharaan |
| Teras 5 | • Infrastruktur Yang Efisien |
| Teras 6 | • Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Konsisten |

# 100 HARI PENTADBIRAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman telah dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang pertama. Lantikan telah diadakan pada 22 November 2020 dan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Johor, Dato' Hasni bin Mohammad. Di awal pelantikan beliau, Yang Berhormat Datuk Bandar menggariskan pelan perancangan beliau yang dinamakan **"100 Hari Pentadbiran Datuk Bandar"** yang bermula pada hari pertama beliau menggalas tugas sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang.

Berikut merupakan pelan perancangan **"100 Hari Pentadbiran Datuk Bandar"** yang telah diperkenalkan.

## 1. Pengukuhan Organisasi

### Penstrukturan Semula Organisasi

- Seiring dengan naiktaraf Majlis Perbandaran Pasir Gudang kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang, penstrukturan semula carta organisasi telah dilaksanakan.
- Terdapat Bahagian/Unit yang telah di naiktaraf sebagai Jabatan.
- Terdapat juga beberapa Unit yang telah ditubuhkan bagi memperkukuhkan lagi struktur organisasi Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- Berikut merupakan carta organisasi yang telah diperkenalkan .



## Pematuhan Peraturan Pejabat

Warga kerja diingatkan sentiasa mematuhi arahan pejabat dan menjaga imej organisasi. Antara perkara yang diberi penekanan oleh Datuk Bandar ialah, merakam waktu kehadiran pergi dan balik, mengikut garis panduan pemakaian yang ditetapkan serta mematuhi arahan pejabat.

## Peyusunan Aras dan Pejabat Pelan Terbuka

- Pengubahsuaian bangunan pejabat dan pertukaran beberapa jabatan turut melibatkan pertukaran aras bangunan.
- Penyusunan aras dan jabatan adalah bagi memberi kemudahan kepada orang awam dan warga kerja MBPG dalam urusan seharian dan urusan pejabat.
- Jabatan/Bahagian/Unit yang berurusan dengan orang awam di letakkan di aras bawah bagi memudahkan urusan orang ramai.
- Satu ruang rehat/riadah telah disediakan bagi memberi kemudahan kepada orang awam yang ingin berurusan dengan kakitangan di aras 4.

## *Dynamic* Pasir Gudang

*Dynamic* Pasir Gudang atau Pasir Gudang Dinamik telah diperkenalkan oleh Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang dalam mempertaruh dan mempromosikan Pasir Gudang di persada dunia sejajar dengan status Pasir Gudang sebagai bandaraya industri dan pelabuhan pada tahun 2020.

*Dynamic* membawa maksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian dan menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Melalui usaha dan kolaborasi berterusan oleh seluruh tenaga insan di MBPG, pemegang taruh dan segenap lapisan masyarakat yang sayangkan Pasir Gudang, adalah tidak mustahil bagi Pasir Gudang untuk terus mencapai kejayaan yang cemerlang sebagai bandaraya industri dan pelabuhan yang unik, tersohor dan lestari di tanah air khususnya dan di dunia amnya.

### Rasional Logo Dynamic Pasir Gudang




**1 Dynamic :**
Membawa maksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.

**2 Bentuk Hadapan Kargo Warna Hitam :**
Selaras dengan tagline Pasir Gudang Bandaraya Industri dan Pelabuhan iaitu Bandaraya yang menjadi pusat dagangan Entrepot di Tenggara negeri Johor.

**3 D dan Y (Imej Digital dan Kren) :**
Kepelbagaian teknologi pintar dalam operasi menghasilkan produk bersaiz besar, sederhana dan kecil.

**4 N dan C (Imej Batu Bata dan Paip) :**
Bandaraya yang sentiasa memperbaharui dan menaiktaraf fasiliti serta perkhidmatan kepada komuniti dengan lebih efisen.

**5 A berwarna Biru (Imej Kapal) :**
Bandaraya berpelabuhan : menghubung penjanaan ekonomi di peringkat antarabangsa.

**6 M berwarna Hijau (Imej Premis Industri) :**
Bandar raya meliputi sebahagian besar kawasan industri yang di bangunkan dengan mengambil kira penjagaan alam sekitar dalam mewujudkan kejiranan hijau dan bandar sejahtera rendah karbon.

**7 Pasir Gudang :**
Diwartakan sebagai Bandar Raya ke ketiga dalam daerah Johor Bahru.

## 2. Manifesto Revolusi Bandaraya

- Manifesto Bandaraya Pasir Gudang telah diperkenalkan bagi memperkasakan lagi perkhidmatan MBPG kepada komuniti.
- Lima manifesto dirangka dan dirancang bersesuaian dengan visi MBPG dalam menjadikannya sebagai Bandaraya Industri dan Pelabuhan menjelang 2025 sebagaimana berikut :









**• REVOLUSI 4: Masih Prihatin *(Still Care)***

1

TMYIC
@Pasir Gudang

2

Dataran Mahkota
Pasir Gudang

3

Pusat Haiwan
Terbiar
*(D'Habitat)*

4

Pusat Gelandangan
*(Care and Cure Camp
3C MBPG)*

5

Eco Spital

6

Sg. Buloh
Spital

7

Cb Spital

8


Layang-Layang
Spital

9

Penempatan Pekerja
Warga Asing
*(Workers Enclave)*

10

Arena
Kebayan

11

Perumahan
Berpagar
*(Friendly Local)*

12

Perkhidmatan
Perunding Kesihatan
*(Doc Please!!)*

1

Gerobok Perihatin
Pasir Gudang
*(GPPG)*

2

E-Lesen &
E-Permit

3

Belia Aktif

**• REVOLUSI 5: Kejiranan Aktif *(Active Neighbourhood)***

1

Cb Bestari

2

Cb Outreach

3

St-bestari

4

Desa Lestari




## 3. Menyantuni Warga Kerja

### • Transformasi Digital

Sistem pendigitalan dalam pengurusan organisasi khusunya bagi membantu memudahkan urusan orang ramai di samping mengurangkan risiko jangkitan yang berpunca dari kesesakan di pejabat. MBPG Digital 4.0 telah diperkenalkan dengan pemberian tab kepada semua warga kerja yang bertindak sebagai *'dashboard'*. Penggunaan tab adalah bagi memberi kemudahan kepada warga kerja dalam memudahkan tugasan pelaksanaan kerja, penyebaran maklumat dalam tugas kerja dan memudahkan tugasan pejabat yang lain dengan capaian sistem yang disediakan.

### • Pengimbangan Kakitangan Kontrak Dengan Kakitangan Tetap

Bagi memberi keseimbangan kepada keduanya, kakitangan bertaraf kontrak akan diberikan jaminan lanjutan tempoh kontrak setelah 16 tahun berkhidmat dengan jayanya sehingga usia bepencen.

Selain itu, kakitangan kontrak turut turut menikmati beberapa kemudahan lain yang akan dilancarkan dari semasa ke semasa. Bagi kakitangan bertaraf tetap yang melepaskan jawatan tetapnya dan memilih jawatan kontrak, akan diberikan insentif secara bulanan.

### • *Employee Benefit*

Berdasarkan kepada permasalahan tempat tinggal jauh dan perlukan masa bagi *'Take 5'* supaya dapat menyegarkan mental dan fizikal, warga kerja telah diberikan kemudahan perumahan dan kemudahan *Meet and Greet* atau *Dynamic Lounge* di Menara Aqabah. Selain itu, MBPG turut merancang bagi memberi kemudahan kad perubatan dan insurans perubatan untuk kegunaan perubatan sebagai pesakit luar dan juga mendapatkan rawatan lanjut sekiranya di tahan di wad.

### • Apresiasi Kakitangan

Anugerah kepada warga kerja contoh dan ganjaran hasil kerja berpasukan disediakan bagi memberi dorongan kepada individu khasnya dan seterusnya pasukan dalam memacu kecemerlangan organisasi di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

## 4. Program Yok Tinjau 24 Zon Pasir Gudang

- Program ini dirancang dilaksanakan pada awal tahun 2021.
- Penganjurannya adalah bagi memberi peluang kepada komuniti dan penduduk berkongsi dan menyuarakan pandangan di samping penglibatan sepenuhnya Datuk Bandar turun padang ke 24 zon di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- Datuk Bandar akan turut serta dan menyertai semua program Yok Tinjau yang telah dijadualkan.
- Berikut merupakan 24 zon di bawah program Yok Tinjau 24 Zon Pasir Gudang :

JKPZ AIR BIRU

JKPZ TAMAN BUKIT DAHLIA

JKPZ CAHAYA BARU TANJUNG LANGSAT

JKPZ CAHAYA MASAI

JKPZ TAMAN DESA RAKYAT PERDANA

JKPZ FLORA HEIGHTS

JKPZ KOTA BISTARI

JKPZ KOTA MASAI 1

JKPZ KOTA MASAI 2

JKPZ KOTA MASAI 3

JKPZ MASAI

JKPZ TAMAN MAWAR

JKPZ NUSA DAMAI

JKPZ PASIR PUTIH

JKPZ RINTING 2

JKPZ TAMAN RINTING 1

JKPZ SCIENTEX 1

JKPZ SCIENTEX 2

JKPZ SERI ALAM 1

JKPZ SERI ALAM 2

JKPZ SIERRA PERDANA

JKPZ SG. TIRAM

JKPZ TG. PUTERI



# 08

# JATA RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

GEMILANG | LESTARI | SEJAHTERA

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بنداراي ڤاسير ڬودڠ



## PENGENALAN
# JATA RASMI

Perbezaan Jata lama Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan jata baharu Majlis Bandaraya Pasir Gudang.




### Reka Bentuk

- Mengekalkan konsep asal MPPG, Jata baharu MBPG hanya memerlukan pengubahsuaian kecil pada nama dan tulisan.
- Penggunaan simbol mahkota telah digunakan bagi menggantikan simbol bulan dan bintang.

### Maksud Warna-warna Yang Digunakan Dalam Jata Majlis Bandaraya Pasir Gudang

- **Warna Emas dan Kuning**
  Melambangkan kesetiaan, kecemerlangan dan budaya kerja korporat anggota kerja MBPG.
- **Warna Merah Dan Biru Tua**
  Melambangkan warna bendera negeri Johor yang membawa maksud kawasan MBPG terletak dalam negeri Johor Darul Takzim.

## Simbol-simbol Dalam Jata Majlis Bandaraya Pasir Gudang




Simbol-simbol yang terdapat pada logo ini melambangkan MBPG adalah organisasi yang bertanggungjawab dan mempunyai peranan penting sebagai Pihak Berkuasa Tempatan terhadap pentadbiran dan pembangunan Pasir Gudang yang dijelaskan seperti berikut :

1. **Mahkota**
Melambangkan kedaulatan pemerintah Sistem Diraja yang merujuk kepada Duli Yang Mulia (DYMM) Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar

2. **Perisai**
Melambangkan kredibiliti MBPG sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan

3. **Dua Ekor Harimau Memegang Perisai**
Melambangkan ketegasan MBPG dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan penguatkuasaan undang-undang.

4. **Simbol Bangunan Dalam Bulatan**
Melambangkan pembangunan Pasir Gudang yang terancang, bersepadu dan menyeluruh yang seiring dengan pembangunan holistik yang disarankan oleh kerajaan.

5. **Simbol IT Dan Bulatan Kuning Bergerigi**
Melambangkan terdapat pelbagai aktiviti dalam sektor perindustrian di Pasir Gudang yang meliputi industri berat, sederhana dan kecil serta berteknologi tinggi yang begitu pesat membangun dan menyumbang kepada pendapatan utama MBPG.

6. **Bulan Bintang**
Melambangkan segala aktiviti yang dijalankan adalah berlandaskan kepada nilai-nilai murni Islam yang dijunjung sebagai agama rasmi.

7. **Bunga**
Melambangkan bunga rasmi Pasir Gudang iaitu Cempaka Jingga.

8. **Pokok Dan Kawasan Hijau**
Melambangkan kehijauan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar dalam taman dengan keindahan landskapnya.

9. **Kawasan Perairan Dan Kapal**
Melambangkan kedudukan Pasir Gudang yang strategik sebagai pusat perdagangan antarabangsa di selatan semenanjung yang dilengkapi dengan dua buah pelabuhan utama.

10. **Pangsa**
Pangsa yang berada di bawah perisai berwarna kuning adalah melambangkan tanaman lada hitam dan gambir iaitu hasil tanaman utama bagi kawasan Pasir Gudang suatu ketika dahulu.

# • Catatan

IMBAS SAYA

E- LAPORAN TAHUNAN 2020


MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بندارايا ڤاسير ڬودڠ

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang
Johor Darul Ta'zim, Malaysia

NO. Tel : 07254 7777, 07-251 3720/21/22,07-251 4021     NO. FAKS : 07-251 5260